

Bab 3

Analisis 1:
Peralatan Yang Sedia Ada

Bab 3

Analisis 1 : Peralatan Yang Sedia Ada

Sebanyak 21 buah alat pembina laman web telah dikumpul untuk tujuan analisis. Ianya diperolehi daripada laman-laman web yang disediakan oleh setiap syarikat yang mengeluarkan alat pembina tersebut untuk tujuan penilaian (*trial version*). Analisis akan dilakukan secara menegak dan melintang iaitu perisian dan juga ciri-cirinya. Daripada analisis ini, maklumat yang diperolehi adalah:

1. Senarai alat pembina laman web yang sedia ada.
2. Semua ciri-ciri yang terdapat pada alat pembina laman web.
3. Keperluan minimum bagi suatu alat pembina laman web.

3.1 Senarai Alat Pembina Laman Web Yang Sedia Ada

Secara amnya alat pembina laman web boleh dibahagikan kepada 2 kategori iaitu alat untuk kanak-kanak dan juga untuk orang dewasa. Setiap alat ini pula boleh dibahagikan kepada 2 jenis iaitu alat pembina laman web yang berasaskan teks (*Text based web builder*) dan juga alat pembina laman web jenis WYSIWYG (*What You See Is What You Get*). Jadual 3.1 merupakan kategori bagi 21 buah alat pembina laman web yang dianalisis:

Jadual 3.1 : Kategori alat pembina laman web

	Berasaskan WYSIWYG	Berasaskan Teks
Alat pembina laman web yang dibangunkan untuk orang dewasa	<ul style="list-style-type: none"> • AOLpress 1.2.3 • Claris Home Page 2.0 • Microsoft Publisher 97 • Microsoft Front Page 97 • My Internet Business Page • My Business page • Web Master • Home Page 3.0 Extension • Netscape Composer • Corel Web Designer 1.2 • Web Factory Author 3.0 	<ul style="list-style-type: none"> • HTML Assistant Pro 3t • HTML Assistant Pro 97 • Hot Dog Professional • Web Edit Pro • Home Site 4.0 • Webber 32 • Dida • HotMetal PRO • Web Express 2.0
Alat pembina laman web yang dibangunkan khas untuk kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"> • Web Workshop 	

Daripada Jadual 3.1, 20 daripada alat pembina laman web adalah dibangunkan khas untuk orang dewasa, syarikat perniagaan dan ianya adalah lebih profesional manakala cuma satu alat pembina laman web sahaja yang ditemui adalah dibina khas untuk kanak-kanak. Daripada penemuan sini, jelas kelihatan bahawa alat pembina laman web yang dibangunkan khas untuk kanak-kanak amat berkurangan dan sukar didapati.

3.2 Ciri-Ciri Alat Pembina Laman Web

Daripada kesemua 21 buah alat pembina laman web ini, terdapat 58 jenis ciri yang terdapat pada setiap alat pembina, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.2. Kesemua ciri-ciri ini boleh dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu:

1. Ciri-ciri am

Ciri-ciri am ini termasuklah semua ciri-ciri yang terdapat pada hampir keseluruhan alat pembina laman web dan juga ciri-ciri yang lebih lanjut yang jarang terdapat pada sesetengah alat pembina.

2. Grafik

Ciri-ciri grafik adalah sebarang operasi yang berkaitan dengan grafik termasuklah gambar, animasi dan video.

3. Penerbitan (*publishing*)

Penerbitan pula adalah ciri-ciri yang membenarkan pengguna menerbitkan (*upload*) laman web ke Internet. Ini termasuklah operasi yang melibatkan larian dalam talian seperti capaian ke *ftp*.

4. Bunyi

Ciri-ciri yang berkaitan dengan bunyi seperti pengedit dan merakam bunyi. Tidak banyak perisian yang mempunyai ciri-ciri jenis ini, mungkin kerana bunyi tidak berapa sesuai diletakkan pada laman web yang boleh menyebabkan suatu laman web menjadi lambat untuk dipaparkan pada pelayar (*browser*).

Jadual 3.2 : Ciri-ciri alat pembina yang sedia ada

(Samb.) Jadual 3.2 : Ciri-ciri alat pembina yang sedia ada

13. Penggunaan semula kod sumber						AOLpres 1.2.3
14. Menglik tetkus sebelah kanan untuk memaparkan menu						Claris Home Page 2.0
15. Memerlukan ejuan dan nahu						Corel Web Designer 1.2
16. Boleh melanjamkan Netscape Navigator	♦	♦	♦	♦	♦	HoTMetal PRO
17. Boleh melanjamkan Microsoft Explorer	♦	♦	♦	♦	♦	Microsoft Front Page 97
18. Menyokong applet Java	♦	♦	♦	♦	♦	Microsoft Publisher 97
19. Menyokong skip Java	♦	♦	♦	♦	♦	My Internet Business Page
20. Menyokong Tag Multimedia	♦	♦	♦	♦	♦	Netscape Composer
21. Kaedah pintas menggunakan papang kekunci	♦	♦	♦	♦	♦	Web Express 2.0
22. Cari dan tukar	♦	♦	♦	♦	♦	Web Factory Author 3.0
23. Menyokong ActiveX	♦	♦	♦	♦	♦	Webber 32
						HTML Assistant Pro 3
						HTML Assistant Pro 97
						Hot Dog Professional
						Web Edit Pro
						Home Site 4.0
						My Business page
						Web Master
					♦	Dida
						Home Page 3.0 Extension
						Web Workshop

(Samb.) Jadual 3.2 : Ciri-ciri alat pembina yang sedia ada

24. Menukar pemprosesan perkataan kepada HTML	•	AOLpres 1.2.3
25. Undo dan redo	•	Claris Home Page 2.0
26. Menukar warna bagi teks	•	Corel Web Designer 1.2
27. Memeriksa sintak	•	HoTMetal PRO
28. Prilhat yang boleh dipisahkan	•	Microsoft Front Page 97
29. Menyediakan Plug-in contohnya Shockwave plugin	•	Microsoft Publisher 97
30. Warna kod HTML yang berbeza	•	My Internet Business Page
31. Membuka lotasi HTTP secara lengkap	•	Netscape Composer
32. FTP beban ke atas pada ftp	•	Web Express 2.0
33. Menyokong ASP, Perl, DHTML	•	Web Factory Author 3.0
34. Wizard untuk Script Java	•	Webber 32
	•	HTML Assistant Pro 3
	•	HTML Assistant Pro 97
	•	Hot Dog Professional
	•	Web Edit Pro
	•	Home Site 4.0
	•	My Business page
	•	Web Master
	•	Dida
	•	Home Page 3.0 Extension
	•	Web Workshop

(Samb...) Jadual 3.2 : Ciri-ciri alat pembina yang sedia ada

35.	Menukar fail HTML kepada fail teks	♦	♦	♦	AOLpres 1.2.3	
36.	Mencetak dokumen	♦	♦	♦	Claris Home Page 2.0	
37.	Pangkalan data terbina dalam	♦	♦	♦	Corel Web Designer 1.2	
38.	Keselamatan onlinnya	♦	♦	♦	HoTMetal PRO	
39.	Fire wall security	♦	♦	♦	Microsoft Front Page 97	
40.	E-mail	♦	♦	♦	Microsoft Publisher 97	
	40. Customizable user toolbar	♦	♦	♦	My Internet Business Page	
		♦	♦	♦	Netscape Composer	
		♦	♦	♦	Web Express 2.0	
		♦	♦	♦	Web Factory Author 3.0	
		♦	♦	♦	Webber 32	
		♦	♦	♦	HTML Assistant Pro 3	
		♦	♦	♦	HTML Assistant Pro 97	
		♦	♦	♦	Hot Dog Professional	
		♦	♦	♦	Web Edit Pro	
		♦	♦	♦	Home Site 4.0	
		♦	♦	♦	My Business page	
		♦	♦	♦	Web Master	
		♦	♦	♦	Dida	
		♦	♦	♦	Home Page 3.0 Extension	
		♦	♦	♦	Web Workshop	

(Samb..) Jadual 3.2 : Ciri-ciri alat pembina yang sedia ada

46.	Bawa dan letak objek (Images)	
47.	Senarai tkt grafik	AOLpres 1.2.3
48.	Pembahagi grafik	Claris Home Page 2.0
49.	Pengelet peta	Corel Web Designer 1.2
50.	Mengimbas	HoTMetal PRO
		Microsoft Front Page 97
		Microsoft Publisher 97
		My Internet Business Page
		Netscape Composer
		Web Express 2.0
		Web Factory Author 3.0
		Webber 32
		HTML Assistant Pro 3
		HTML Assistant Pro 97
		Hot Dog Professional
		Web Edit Pro
		Home Site 4.0
		My Business page
		Web Master
		Dida
		Home Page 3.0 Extension
		Web Workshop

Ciri-ciri penerbitan (*On-line*)

3.3 Keperluan Minimum Alat Pembina Laman Web

Berdasarkan kepada jadual 3.2, satu graf yang menunjukkan peratus jumlah perisian yang memiliki suatu ciri tertentu telah dihasilkan seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah 3.1. Paksi x adalah berdasarkan kepada semua ciri-ciri yang terdapat pada jadual 3.2. Manakala paksi y iaitu peratus perisian yang memiliki suatu ciri dan ianya berdasarkan kepada 21 buah alat pembina yang dianalisis.



Kesimpulan daripada graf:

- (a) Graf ini jelas menunjukkan bahawa terdapat 7 jenis ciri asas yang terdapat pada kesemua alat yang dianalisis. Ini berdasarkan kepada jumlah peratus perisian yang memiliki ciri-ciri tersebut iaitu 100%. Ciri-ciri tersebut adalah:

1. Alat boleh menyokong persekitaran Windows 95/98 dan Windows NT

Alat pembina laman web mestilah sekurang-kurangnya boleh dilarikan pada Windows 95/98 dan juga Windows NT.

2. Operasi piawai (*standard operation*)

Operasi piawai termasuklah membuka halaman baru dan yang telah ada, mencetak, mengedit seperti menyalin, memotong, dan meletak semula.

3. Melakukan operasi yang berkaitan dengan teks

Ini termasuklah menambah dan mengedit teks seperti mengubah jenis, gaya, warna dan saiz huruf.

4. Menghasilkan dan mengedit hubungan (*link*)

Hiperlink digunakan untuk menentukan hubungan sesuatu teks, bebutang atau sebarang imej supaya laman web tersebut boleh dihubungkan dengan laman web yang lain bagi menghasilkan laman web yang lebih daripada satu halaman.

5. Mel elektronik (*e-mail*)

Ciri ini pula bagi membenarkan pengguna meletakkan alamat mereka pada laman web yang mana akan mlarikan pengedit mel elektronik (*e-mail composer*) apabila diklik oleh pelawat.

6. Grafik

Grafik mengandungi operasi-operasi yang melibatkan image seperti menambah, memasukkan dan mengedit. Format imej adalah GIF dan JPEG.

7. Memaparkan kod sumber

Ciri ini membenarkan pengguna mengkod sendiri laman web mereka atau menambah sendiri ciri-ciri yang lebih lanjut pada kod sumber bagi laman web mereka jika ianya tidak disokong oleh alat pembina laman web yang mereka gunakan.

- (b) Kurang daripada 35% daripada alat pembina laman web mempunyai ciri-ciri penerbitan (ciri 51 hingga 57) manakala cuma terdapat 5% daripada alat pembina yang mempunyai ciri bunyi (ciri 58). Ini menunjukkan bahawa ciri ini agak kurang digunakan pada sebarang alat pembina laman web yang sedia ada.
- (c) Ciri-ciri lain yang terdapat pada lebih daripada separuh alat pembina laman web (melebihi 50%) adalah seperti penyediaan *template*, melakukan pra-lihat, penghasilan jadual, penambahan menu-menu dan juga pemeriksa ejaan dan nahu. Ciri-ciri ini nampaknya semakin popular dan kebanyakannya dilaksanakan pada alat pembina laman web yang baru dihasilkan.

3.4 Ringkasan

Untuk menentukan sama ada ciri-ciri yang terdapat pada alat pembina laman web ada diaplikasikan oleh kanak-kanak atau tidak dan juga jenis alat pembina apa yang yang mereka gunakan. Maka, analisis terhadap laman-laman web yang dibina sendiri oleh kanak-kanak yang terdapat di Internet akan dilakukan. Ianya diterangkan pada bab berikutnya.